

**Mungkinkah Lahir Sebuah Lagi Parti Dayak
Bernama
21 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Mungkinkah sebuah parti berasaskan kaum Dayak mengalami nasib yang pernah menimpa sebuah parti lain suatu ketika dulu apabila para pemimpinnya yang dikenakan tindakan tatatertib, mengangkat kaki dan menubuhkan parti baru?

Perhatian kini bertumpu pada Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) berikutan tindakan presidennya Tan Sri William Mawan merujuk lapan pemimpin parti itu kepada jawatankuasa disiplin kerana mereka sering tidak menghadiri mesyuarat majlis tertinggi.

Mereka ialah naib presiden kanan Datuk Peter Nansian, naib presiden Sylvester Entrie Muran dan anggota majlis tertinggi Datuk Dr Tiki Lafe, Paulus Gumbang, Rosey Yunus, Peter Gani, George Garai dan Eda Igar.

Entrie adalah Menteri Muda Kemudahan Awam negeri, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Marudi, Dr Tiki Anggota Parlimen Mas Gading, Gumbang Adun Batu Danau dan Rosey Adun Bekenu.

Jawatankuasa disiplin SPDP, yang dipengerusikan Prof Dr Shafiq Abdullah, diberi masa 30 hari untuk menyiasat kenapa lapan pemimpin itu sering tidak menghadiri mesyuarat dan mengemukakan laporannya kepada majlis tertinggi.

Ramai penganalisis politik percaya SPDP, sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN), akan mengalami perpecahan dan membawa kepada lahirnya sebuah parti politik baru berasaskan kaum Dayak.

"Selalunya, ia bermula dengan tindakan disiplin, diikuti pemecatan atau perbuatan keluar parti yang membawa kepada kelahiran parti baru," kata Dr Jeniri Amir dari Universiti Malaysia Sarawak.

Beliau berkata Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), yang kini telah berkubur, lahir daripada perpecahan yang melanda Parti Nasional Sarawak (SNAP), manakala Parti Rakyat Sarawak pula muncul akibat perebutan jawatan dalam PBDS.

"Begitu juga halnya dengan SPDP, yang ditubuhkan berikutan perbalahan yang melanda SNAP. Ada kemungkinan, sejarah akan berulang," kata Jeniri.

PBDS ditubuhkan pada 1983 oleh Datuk Amar (kini Tan Sri) Dr Leo Moggie setelah beliau meninggalkan SNAP. Bagaimanapun, parti ini dibubarkan berikutan krisis dalaman dan membawa kepada pembatalan pendaftarannya pada Disember 2003.

Selepas itu, Parti Rakyat Sarawak, yang diketuai Tan Sri Dr James Jemut Masing, pula ditubuhkan, manakala SPDP diasaskan oleh kumpulan yang memihak kepada Tan Sri William Mawan berikutan pembatalan pendaftaran SNAP pada November 2002.

"Sekiranya SPDP bermasalah, sebuah parti baru akan muncul. Oleh itu, Mawan perlu berhati-hati kerana para pemimpin kanan parti ini juga mempunyai penyokong sendiri,"

kata Jeniri.

Seorang lagi penganalisis politik dari universiti sama Dr Awang Azman Awang Pawi pula berkata Mawan adalah naib presiden SNAP ketika presiden parti berkenaan ketika itu Datuk Amar James Wong memecat beliau dan beberapa pemimpin lain kerana didakwa menyebabkan berlaku perpecahan dalam SNAP.

"Kejadian pada 2002 ini menyebabkan parti berusia 41 tahun itu dibatalkan pendaftarannya. Bagaimanapun, pada 2010 mahkamah mengisytiharkan pembatalan pendaftaran SNAP adalah tidak sah dan tidak terpakai.

"Ada kemungkinan SPDP juga akan mengalami nasib seperti SNAP," katanya.

Sumber dalaman parti itu berkata krisis dalam SPDP wujud sejak dua tahun lepas walaupun pada Julai tahun ini percubaan dibuat untuk menyelesaikan perbalahan dalam kalangan pihak terbabit. Ini berlaku apabila Mawan, yang juga Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, mengadakan perjumpaan dengan Nansian dan Entrie.

Krisis dalaman itu mengakibatkan SPDP kehilangan kerusi Krian dan Ba'Kelalan pada pilihan raya negeri pada 16 April.

"Walaupun keadaan kelihatan bertambah baik selepas itu, tetapi ia kembali panas apabila Mawan mengumumkan secara terbuka beliau akan menggunakan kuasanya sebagai presiden untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menimbulkan keadaan berpuak-puak dalam parti itu.

"Walaupun beliau tidak menyebut nama, tapi memang jelas siapa yang beliau maksudkan," kata seorang anggota parti.

Anggota itu berkata Mawan tahu bahawa sesetengah penyokong pemimpin terbabit menuntut sama ada sebuah parti baru yang mesra BN ditubuhkan atau Mawan dicabar pada pemilihan parti akan datang.

Ramai pembaca berpendapat sebuah parti baru akan ditubuhkan berikutan laporan akhbar tempatan bahawa Pendaftar Pertubuhan mengesahkan pihaknya menerima empat permohonan untuk mendaftarkan parti baru, satu daripadanya dikatakan mempunyai kaitan dengan beberapa anggota SPDP.

"Ini benar-benar menimbulkan kemarahan beliau (Mawan). Sebab itulah beliau merasakan sudah tiba masanya untuk beliau bertindak bagi mengelak keadaan berpuak-puak di peringkat tertinggi terus wujud ddn seterusnya menyekat perpaduan parti," kata seorang anggota parti berkenaan.

Bagaimanapun, desas-desus tentang berlakunya perpecahan dinafikan timbalan setiausaha agung SPDP Paul Igai.

"Cerita sebenarnya ialah isu ini telah berlarutan sejak sekian lama. Oleh itu, tindakan perlu diambil. Kami ingin memberitahu mereka (lapan pemimpin kanan berkenaan) bahawa kami benar-benar serius dan jangan main-main. Hentikanlah semua perbuatan tidak baik ini," katanya.

Igai bagaimanapun berkata sekiranya para pemimpin berkenaan ingin keluar dan menubuhkan parti baru, tiada apa yang boleh menyekat mereka daripada berbuat

demikian.

Bagaimanapun, seorang penganalisis dari Universiti Malaysia Sarawak Dr Ahi Sarok berkata beliau tidak yakin lapan pemimpin berkenaan akan dipecat daripada parti itu.

"Mawan seorang yang bersikap diplomasi. Sekiranya beliau memecat mereka, siapakah yang akan mengambil alih? Adakah mereka mempunyai sokongan yang secukupnya? Di Mas Gading, contohnya, Dr Tiki boleh dipecat dan digantikan dengan orang lain. Persoalannya ialah sama ada pengganti beliau itu mendapat sokongan daripada penduduk di kawasan Parlimen berkenaan?"

"Saya yakin Mawan mampu menyelesaikan masalah dalaman itu, tanpa perlu memecat sesiapa kerana perkara paling penting bagi parti itu ialah memenangi pilihan raya umum akan datang," kata Ahi Sarok.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=614938>